

8/9/2008 (Isnin)

BPR siasat Laporan Ketua Audit

Oleh Norfatimah Ahmad - tim@bharian.com.my



Datuk Shukri Abdull

Tiga kes salah urus dikesan

KUALA LUMPUR: Badan Pencegah Rasuah (BPR) mengesan sekurang-kurangnya tiga kes salah pengurusan dana awam dalam pelaksanaan program dan projek jabatan kerajaan, ekoran penelitian terhadap Laporan Ketua Audit Negara 2007 yang dibentangkan 29 Ogos lalu.

Pengarah Siasatan BPR, Datuk Shukri Abdull, berkata pihaknya mengenal pasti wujud unsur rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa dalam pengurusan dana kerajaan membabitkan kes berkenaan.

"Kita akan mendapatkan maklumat lanjut berhubung kes itu mulai esok di semua jabatan terbabit. Kertas siasatan yang dibuka ini adalah peringkat permulaan dan mungkin ada beberapa kes lagi menyusul," katanya kepada Berita Harian semalam.

Laporan Ketua Audit Negara 2007 yang dibentangkan di Parlimen pada 29 ogos lalu mendedahkan wujud banyak kelemahan di beberapa kementerian dan agensi kerajaan. Antaranya kehilangan peralatan Program Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris (PPSMI) bernilai RM9.56 juta dan kelemahan pengurusan sistem kompaun Jabatan Alam Sekitar (JAS) di beberapa negeri.

Isu lain yang dilaporkan sebelum ini ialah penggunaan tanah milik Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan tunggakan saman trafik, pelaburan RM537.04 juta Composite Technology Research Malaysia Sdn Bhd (CTRM) yang memiliki anak syarikat berpangkalan di Amerika Syarikat tetapi mencatatkan kerugian serta pembelian mesin pengimejan oleh Kementerian Kesihatan bernilai RM33 juta.

Turut didedahkan laporan audit itu ialah kelemahan pengurusan berhubung Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) dan projek pangkalan Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) Markas Wilayah Laut 11, Teluk Sepanggar, Sabah.

Tahun lalu, BPR menahan 15 individu susulan pendedahan Laporan Audit Negara 2006, termasuk tiga orang awam di kalangan kontraktor dan perunding projek. Berikutan itu, 12 pegawai awam didakwa di mahkamah atas pelbagai pertuduhan membabitkan penyelewengan dan salah urus dana awam.

Shukri berkata, semua jabatan terbabit diharap dapat memberi kerjasama penuh kepada pegawai BPR yang menjalankan tugas untuk melengkapkan kertas siasatan sama ada mengumpul maklumat, dokumen atau merekodkan keterangan.

Beliau berkata penelitian yang dilakukan turut mengambil kira aspek tuntutan palsu pihak yang bertanggungjawab hingga menimbulkan pelbagai masalah sampingan di peringkat dalaman agensi tertentu.

Setiap aspek yang dibentangkan perlu disemak bagi menentukan sama ada maklumat itu mempunyai asas untuk membuka kertas siasatan.

"Isu berkaitan kelemahan prosedur akan diteliti oleh Bahagian Pemeriksaan dan Perundingan BPR untuk tujuan penambahbaikan dalam sistem penyampaian awam," katanya.

8/9/2008 (Isnin)

Abdullah mahu kakitangan awam laksana cadangan dalam Bajet 2009 sebaiknya

PUTRAJAYA: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini mengingatkan kakitangan kerajaan agar semua cadangan di dalam Bajet 2009 yang dibentangkan di Dewan Rakyat pada 29 Ogos lepas, dilaksanakan dengan sebaik-baiknya.

Perdana Menteri berkata kritikan berhubung cadangan itu pasti ada tetapi masalahnya bukan kerana kekurangan idea atau rencana yang baik, mahupun untuk membuat perubahan tetapi kekurangan daripada segi kemampuan untuk melaksanakannya.

“Kami tidak kekurangan idea, atau perancangan yang baik tetapi kami kekurangan daripada segi kemampuan untuk melaksanakannya. Ini menjadi satu pandangan yang biasa dikemukakan.

“Tentu sekali ini dapat kita atasi, dengan prestasi yang dibuktikan baru-baru ini tetapi juga menjadi ingatan kepada semua agar apa yang telah dicadangkan untuk dilaksanakan itu mesti dilaksanakan sebaik-baiknya,” katanya pada perhimpunan bulanan Jabatan Perdana Menteri (JPM) di Dataran Perdana di sini.

Katanya jika semua kakitangan kerajaan mempunyai azam dan tekad, beliau percaya masalah tidak akan timbul dan kejayaan akan diperoleh untuk kebaikan kepada negara dan rakyat.

Abdullah turut berasa gembira berikutan Laporan Audit menunjukkan beberapa jabatan di JPM telah menunjukkan prestasi baik.

“Kepada mereka diucapkan tahniah dan adalah menjadi harapan saya agar prestasi itu perlu ditingkatkan lagi ke tahap yang lebih tinggi,” katanya.

Beliau juga bersyukur berikutan usaha yang bersungguh-sungguh dan pelbagai langkah dijalankan oleh jabatan masing-masing serta peranan yang dijayakan oleh Pasukan Petugas Khas Pemudahcara Perniagaan (Pemudah), kedudukan tahap daya saing negara berjaya ditingkatkan ke tangga 19 tahun ini berbanding 23 pada tahun lalu.

“Ini adalah satu lagi kejayaan yang telah kita capai. Ini membuktikan kepada kita bahwasanya kejayaan yang boleh kita peroleh itu bergantung kepada kita,” katanya.

Bagaimanapun, kata Perdana Menteri perhatian khusus perlu diberikan kepada sistem dan prosedur serta keperluan birokrasi dikurangkan kepada seminimum mungkin.

“Sistem yang terbaik sekalipun jika sekiranya orang yang mengendalikan sistem itu kurang semangat, minat dan berilmu pengetahuan, maka sistem yang baik tidak akan menghasilkan prestasi yang tinggi seperti yang diharapkan.

“Ertinya kombinasi di antara modal insan dan prosedur itu mesti berada pada tahap yang sama tinggi, setinggi yang boleh,” katanya.

Abdullah berkata dengan itu, barulah sistem yang diperbaiki, peraturan yang diperkenalkan akan dapat membawa kejayaan yang lebih baik dan pegawainya yang benar-benar komited mampu menjayakan apa juga tanggungjawab yang diberikan. - Bernama

4/9/2008 (Khamis)

KDN perbaiki sistem pengurusan tanah PDRM

BERITA HARIAN
ILMU DAN MAKLUMAT

KUALA LUMPUR: Kementerian Dalam Negeri (KDN) akan memperbaiki sistem pengurusan dan perancangan tanah Polis Diraja Malaysia (PDRM) bagi mengatasi masalah tanah tidak dibangunkan seperti didedahkan dalam Laporan Ketua Audit Negara 2007.

Menterinya, Datuk Seri Syed Hamid Albar, berkata laporan audit itu menunjukkan wujud kelemahan dalam sistem sedia ada dan tindakan susulan perlu dilakukan segera bagi mengelakkan ia berterusan.

“Saya sudah mengeluarkan arahan kepada pihak terbabit supaya meneliti setiap kelemahan yang didedahkan dalam laporan itu dan mengambil tindakan sewajarnya dengan segera.

“Kita akan betulkan setiap kelemahan dalam sistem sedia ada bagi menjamin semua aset kita digunakan dengan sepenuhnya dan tidak terbiar,” katanya ketika dihubungi Berita Harian di sini, semalam.

Syed Hamid mengulas Laporan Ketua Audit Negara 2007 yang mendedahkan 437 lot tanah PDRM dengan keluasan 1,453.39 hektar masih tidak dibangunkan, termasuk 176 lot tanah yang haknya diperoleh sejak lebih 50 tahun lalu.

3/9/2008 (Rabu)

Nik Aziz minta jelas takrifan kemajuan

KOTA BHARU: Menteri Besar, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat meminta Ketua Audit Negara menjelaskan takrifan kemajuan dalam merumuskan bahawa aktiviti jabatan dan agensi kerajaan negeri itu bagi 2007 tidak menunjukkan kemajuan ketara.

“Saya nak tahu apa definisi maju tu dulu. Ukuran maju ke tak maju ini dikira dari mana,” katanya kepada pemberita selepas merasmikan sambutan Hari Integriti Peringkat Kelantan di sini, semalam.

Beliau diminta mengulas laporan Ketua Audit Negara yang mendapati aktiviti jabatan dan agensi kerajaan Kelantan sepanjang tahun lalu, secara umumnya tidak menunjukkan kemajuan ketara.

Menurut laporan itu, masalah membabitkan kelemahan perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terus berlaku yang membabitkan agensi kerajaan negeri seperti Pejabat Tanah dan Galian, Yayasan Kelantan Darulnaim (Yakin) dan projek usaha sama Pembangunan Bandar Baru Tanah Merah.

Nik Aziz berkata, kerajaan negeri sedia mengatasi semua kelemahan yang dikesan di jabatan dan agensinya.

3/9/2008

PAC arah Puspakom beri penjelasan

Oleh Nazura Ngah - nazura@bharian.com.my

Wakil agensi akan dipanggil bulan depan

KUALA LUMPUR: Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) akan memanggil Puspakom Sdn Bhd (Puspakom) memberi penjelasan berhubung penahanan 59 termasuk 38 kakitangannya dan 21 perantara atau 'runner' bagi membantu siasatan kes rasuah membabitkan kelulusan pemeriksaan kenderaan.

Pengerusinya, Datuk Seri Azmi Khalid, berkata pihaknya akan memanggil wakil agensi terbabit bulan depan, selepas umat Islam menyambut Aidilfitri bagi meneliti kes berkenaan bagi mengelaknya berulang pada masa depan.

Katanya, walaupun Puspakom tidak tersenarai dalam Laporan Ketua Audit Negara 2007, PAC berasakan adalah wajar untuk memanggil agensi itu untuk memberi penjelasan berhubung isu yang hangat diperkatakan ketika ini.

BERITA HARIAN
ILMU DAN MAKLUMAT

“Selain itu, PAC juga akan memanggil beberapa kementerian, agensi, syarikat dan badan berkanun yang diberikan sijil teguran seperti yang dinyatakan dalam Laporan Ketua Audit Negara 2007 yang dikeluarkan Jumaat lalu.

“Daripada 123 yang dipilih untuk diaudit secara rambang oleh Ketua Audit Negara, hanya lima peratus yang dianugerahkan sijil berteguran, manakala bakinya menerima sijil bersih,” katanya selepas mempengerusikan mesyuarat PAC penggal pertama Parlimen Ke-12, di Parlimen, semalam.

Minggu lalu, BPR menahan 59 orang, termasuk 38 kakitangan Puspakom dan 21 perantara atau ‘runner’ dalam operasi besar-besaran bagi membantu siasatan kes rasuah membabitkan kelulusan pemeriksaan kenderaan.

Tangkapan itu dilakukan dalam operasi bersepadu ‘Ops Compact’ di seluruh negara hasil pengawasan dan risikan BPR sejak beberapa bulan lalu.

Azmi berkata, antara kementerian yang akan dipanggil ialah Kementerian Dalam Negeri membabitkan isu polis, Kementerian Kewangan (pelaburan RM537.04 juta Composite Tecnology Reseach Malaysia Sdn Bhd (CTRM) yang memiliki anak syarikat berpangkalan di Amerika Syarikat tetapi mencatatkan kerugian, Kementerian Kesihatan, Kementerian Pelajaran dan Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar membabitkan projek Terowong Smart serta Dewan Bandaraya Kuala Lumpur berhubung projek terbengkalai.

Katanya, Kementerian Pertahanan akan turut dipanggil berhubung Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) dan projek pangkalan Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) Markas Wilayah Laut 11, Teluk Sepanggar, Sabah.

3/9/2008

RM2.35b tunggakan saman trafik

Laporan Norfatimah Ahmad - tim@bharian.com.my



PRIHATIN: Orang ramai membayar saman kesalahan trafik di Balai Polis Trafik Jalan Bandar, Kuala Lumpur. - Gambar Hiasan

14.15 juta kes lalu lintas sejak 2000 belum dijelaskan

KUALA LUMPUR: Jabatan Audit Negara mengesan 14.15 juta saman trafik Polis Diraja Malaysia (PDRM) antara 2000 hingga 2007 membabitkan kompaun RM2.35 bilion belum dijelaskan.

Laporan Ketua Audit Negara 2007 yang melakukan semakan pada pertengahan Februari lalu mendapati PDRM hanya melaporkan tunggakan hasil RM470,000 juta akhir tahun lalu.

Ketua Audit Negara, Tan Sri Ambrin Buang, berkata sikap orang kena saman yang tidak bertanggungjawab membayar kompaun dan kesukaran mengesan mereka antara faktor menyebabkan tunggakan saman meningkat.

“Faktor lain yang menyebabkan tunggakan hasil tidak dapat dikutip adalah kegagalan mengesan penghutang, tidak mampu membayar, bankrap, meninggal dunia, syarikat tidak beroperasi dan syarikat dibubarkan.

“Selain itu, penghutang enggan membayar hutang, majikan enggan bekerjasama, agensi tidak mengambil berat untuk membayar hutang dengan harapan hutang dapat dihapus kira, tiada rekod sahih untuk menuntut hasil tertunggak dan tuntutan sivil tidak berhasil atau keputusan mahkamah tidak dapat dilaksanakan juga menyumbang kepada masalah itu,” katanya.

Jumlah saman pada 2000 sebanyak 756,977 meningkat sehingga 2.12 juta pada 2004 sebelum mencecah 2.83 juta tahun lalu. Peningkatan itu sekali gus menambah jumlah kompaun daripada RM93.05 juta kepada RM634.34 juta pada 2007.

Audit mendapati, tunggakan hasil tidak tepat itu mungkin kerana PDRM berpendapat saman berkenaan sepatutnya tidak diambil kira sebagai Akaun Belum Terima, selain tiada arahan bertulis daripada Kementerian Dalam Negeri yang menghendaki pasukan itu melaporkan jumlah saman tertungggak sebagai tunggakan hasil atau Akaun Belum Terima.

Selain itu, laporan audit kali ini menganggap jumlah hapus kira tunggakan hasil mencecah RM366.89 juta pada akhir 2007 sebagai tidak realistik.

“Tiga kementerian dan jabatan melaporkan hapus kira tunggakan hasil berbeza pada Jun dan Disember 2007, manakala Daftar Permohonan dan Kelulusan Hapus Kira yang diselenggara Perbendaharaan mendapati ia tidak diselenggara dengan lengkap dan tepat.

“Contohnya, hapus kira tunggakan hasil Jabatan Kastam Diraja Malaysia berjumlah lebih RM7.8 bilion tidak direkodkan dalam daftar berkenaan,” katanya.

3/9/2008 (Rabu)

Dana RM286j tidak dibelanja

SEBANYAK 29 kementerian dan jabatan yang memohon peruntukan berjumlah RM285.49 juta untuk membiayai 101 program dan aktiviti sepanjang tahun lalu didapati tidak membelanjakan langsung peruntukan berkenaan.

Laporan Ketua Audit Negara 2007 mendedahkan, selain wang pendahuluan yang diperoleh daripada Kumpulan Wang Luar Jangka, peruntukan tambahan dan khas itu, pemeriksaan mendapati peruntukan asal untuk tujuan sama masih berbaki sebanyak RM560.73 juta.

“Keadaan ini boleh dilakukan jika kementerian dan jabatan berkenaan memantau peruntukannya dengan baik,” kata Ketua Audit Negara, Tan Sri Ambrin Buang.

Laporan itu memberi contoh tiga kementerian utama iaitu Kementerian Keselamatan Dalam Negeri yang memperoleh peruntukan asal RM578.78 juta untuk empat program turut mendapat peruntukan tambahan RM114.36 juta.

Bagaimanapun, daripada RM693.14 juta yang diperoleh itu, hanya RM344.79 juta dibelanjakan, manakala baki RM233.99 juta daripada peruntukan asal masih tidak dibelanjakan.

Dua lagi kementerian yang dikenal pasti terbabit adalah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi yang hanya membelanjakan RM1.2

bilion untuk satu program dengan baki peruntukan asal yang tidak diganggu sebanyak RM216.55 juta, manakala Kementerian Pelajaran pula masih tidak membelanjakan RM53.67 juta.

Bagaimanapun, 26 kementerian dan jabatan lain membelanjakan RM1.4 bilion untuk 92 program dan aktiviti dengan baki peruntukan asal keseluruhannya mencecah RM56.52 juta.

Selain itu, semakan Audit juga mendapati, lima kementerian berbelanja RM536.23 juta iaitu melebihi peruntukan keseluruhan yang diluluskan untuk kementerian terbabit.

Lima kementerian itu adalah Kementerian Kesihatan yang memperoleh peruntukan muktamad RM9.57 bilion, bagaimanapun didapati membelanjakan RM9.77 bilion iaitu tambahan RM200.01 juta.

Begitu juga Kementerian Pertahanan dengan lebihan perbelanjaan RM157.15 juta, berbanding peruntukan muktamadnya RM9.39 bilion, diikuti Kementerian Keselamatan Dalam Negeri dengan tambahan RM175.17 juta, Kementerian Luar Negeri (RM3.38 juta) Kementerian Kerjaraya (RM0.52 juta).

3/9/2008 (Rabu)

Lima akaun dipegang sejak 1941

LAPORAN Ketua Audit Negara 2007 mendapati Jabatan Insolvensi masih mempunyai lima akaun deposit yang jumlah terkumpulnya mencecah RM967.13 juta untuk tempoh 67 tahun sehingga akhir 2007.

Daripada keseluruhan jumlah itu, Deposit Harta Kebankrapan mencatatkan jumlah paling banyak, iaitu RM604.49 juta yang diperoleh sejak 1941.

Empat lagi akaun adalah deposit penggulungan syarikat berbaki RM86.86 juta yang dikumpul sejak 1983, deposit harta penggulungan syarikat sejak 30 tahun lalu sebanyak RM131.77 juta, deposit kebankrapan RM138.12 juta yang diperoleh sejak 1966 dan deposit penggulungan pertubuhan dan Kesatuan Sekerja sebanyak RM5.89 juta yang terkumpul sejak 1985.

Ketua Audit Negara, Tan Sri Ambrin Buang, berkata jumlah berkenaan meningkat RM88.8 juta berbanding 2006 yang mencatatkan sebanyak RM878.33 juta.

“Jabatan Insolvensi perlu mengenal pasti kedudukan sebenar baki deposit dan mengambil tindakan segera untuk menyelaras akaun berkenaan jika kes penggulungan atau kebankrapan diselesaikan,” katanya.

2/9/2008 (Selasa)

437 lot tanah PDRM belum dimajukan

SEBANYAK 437 lot tanah Polis Diraja Malaysia (PDRM) dengan keluasan berjumlah 1,453.39 hektar masih tidak dibangunkan, termasuk 176 lot tanah yang haknya diperoleh sejak lebih 50 tahun lalu.

Kelemahan dalam pengurusan dan perancangan 17.2 peratus tanah yang tidak dibangunkan PDRM, termasuk 185 lot tanah berusia sehingga 41 tahun dan baki 76 lot tiada maklumat mengenai tarikh diperoleh itu didedahkan dalam Laporan Ketua Audit Negara 2007.

Ketua Audit Negara, Tan Sri Ambrin Buang, berkata keseluruhannya, PDRM memiliki 2,453 lot tanah dengan keluasan 8,429.91 hektar di seluruh negara dan hanya 18 lot tanah disenaraikan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9).

Beliau berkata, bagaimanapun, tiada sebarang rancangan membangunkan baki 419 lot tanah atau 95.9 peratus.

"Pemeriksaan audit mendapati tanah lot yang sepatutnya menempatkan bangunan sama ada kediaman anggota atau bilik operasi dalam keadaan tidak terurus, sama ada tidak berpagar, tanpa papan tanda, dipenuhi longgokan sampah dan belukar.

"Antara lot yang terbiar adalah tapak IPD Maran yang dihentikan pada tahap 78 peratus pembinaan membabitkan keseluruhan projek RM11.6 juta apabila ia tidak selamat diduduki kerana terlalu hampir dengan rangkaian laluan kabel elektrik.

"17 lot tanah PDRM yang terbiar dan dicerobohi dijadikan penempatan setinggan, premis perniagaan, aktiviti penanaman atau tempat ibadat," katanya.

Ambrin berkata, 14 ruang pejabat terpaksa disewa membabitkan RM144,924 setahun kerana tidak memiliki bangunan sendiri sedangkan tanah sudah diperoleh untuk pembinaan bangunan itu.

"Bagi menjimatkan kos penyewaan, PDRM sepatutnya merancang untuk menggunakan tanah yang diperuntukkan dan kementerian bertanggungjawab perlu mengenal pasti keperluan kewangan yang mencukupi disediakan untuk membiayai projek tersebut," katanya.

Selain itu, katanya, semakan audit mendapati RM3.8 juta diperuntukkan untuk memagar 56 lot tanah membabitkan pejabat Polis Marin Wilayah Timur dan lima IPK di Kedah, Negeri Sembilan, Terengganu, Pulau Pinang dan Perak.

"Tidak ada peruntukan disediakan untuk memagar 437 lot tanah yang belum dibangunkan supaya tidak dicerobohi," katanya.

Mengenai tanah yang disewakan, sehingga Ogos tahun lalu, 27 penyewa lewat membayar sewa antara satu hingga 30 bulan membabitkan keseluruhan tunggakan sebanyak RM233,840 dengan Pulau Pinang mencatat jumlah tertinggi iaitu RM112,000, diikuti sewa ke atas 11 lot tanah di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dengan tunggakan RM94,200.

Selain itu, katanya, wujud perbezaan dari segi bilangan dan maklumat am mengenai tanah yang direkodkan Bukit Aman dengan dokumen dan surat hak milik di Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (JKPTG) kerana kurang koordinasi antara JKPTG, kementerian dan PDRM, masalah kekurangan kakitangan dan Sistem eJKPTG yang tidak berfungsi.

2/9/2008 (Selasa)

Kelemahan agensi negeri Kelantan

LAPORAN Ketua Audit Negara terhadap aktiviti jabatan dan agensi kerajaan Kelantan bagi 2007, secara umumnya tidak menunjukkan kemajuan ketara.

Seperti tahun sebelumnya masalah membabitkan kelemahan perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terus berlaku yang membabitkan agensi kerajaan negeri seperti Pejabat Tanah dan Galian (PTG), Yayasan Kelantan Darulnaim (Yakin) dan projek usaha sama Pembangunan Bandar Baru Tanah Merah.

Ketuanya, Tan Sri Ambrin Buang, kelemahan yang dikesan seperti projek tidak mengikut jadual, lewat disiapkan dan pembinaan tidak berkualiti kerana pemaju gagal mengikut spesifikasi kontrak.

Katanya, pelaksanaan Sistem Pendaftaran Tanah Berkomputer (SPTB) dan Sistem Pungutan Hasil Tanah (SPHT) tidak beroperasi dengan sempurna bagi urusan pemindahan data, dokumen hasil tanah dan harta agensi.

"Perkara ini menyebabkan berlaku pembaziran wang awam, menjelaskan imej kerajaan negeri dan perkhidmatan awam. Sekiranya tidak ditangani segera, matlamat Pelan Integriti Nasional (PIN) sukar dicapai.

"Bagaimanapun, SPTB yang dimulakan pada 2001 dengan peruntukan RM26 juta yang dibiayai Kerajaan Pusat sudah mempercepatkan masa urusan dan menjimatkan masa menunggu pelanggan yang berurusan berkaitan tanah di PTG dan PTJ negeri itu," katanya.

Ambrin berkata, semakan audit ke atas aset Yakin pula, pihak pengurusan merancang bagi menjana pendapatan melalui aktiviti pajakan tanah kepada pengusaha lombong, pengusaha pertanian, ekopelancongan dan dalam bidang hartanah.

"Tetapi, masih ada beberapa kelemahan berlaku seperti kutipan hasil pajakan tanah lombong tidak memuaskan dan gagal mengambil langkah mengurangkan tunggakan sewa bangunan daripada penyewa," katanya.

Mengenai projek usaha sama pembangunan bandar baru Tanah Merah yang bernilai RM22.88 juta, beliau berkata ia juga berlaku kelemahan khususnya dari segi kemajuan pelaksanaan.

Projek terbabit dimajukan di atas tanah seluas hampir empat hektar yang dimulakan pada November 2005, disasarkan siap dalam tempoh 30 bulan iaitu pada Mei lalu yang membabitkan pembinaan bangunan kedai dan pejabat dan rumah teres.

"Namun, sehingga 2 April lalu, hanya 73.9 peratus kemajuan kerja dicapai bagi keseluruhan komponen projek yang sepatutnya 97.5 peratus sudah siap," katanya.

2/9/2008 (Selasa)

Pemantauan masih lemah

Kementerian Luar perlu pertingkat kawalan urus kewangan

KUALA LUMPUR: Laporan Semakan Audit 2007 mencadangkan Kementerian Luar membentuk mekanisme pemantauan lebih teratur bagi mengawasi kawalan pengurusan kewangan di semua Pejabat Perwakilan Malaysia di luar negara.

Ini berikutan semakan audit terhadap 20 pejabat perwakilan terbabit mulai Julai hingga Disember tahun lalu, mendapati pematuhan kawalan pengurusan kurang memuaskan.

Semakan itu membabitkan penyediaan Manual Prosedur Kerja dan Fail Meja, pelaksanaan fungsi Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun, penurunan kuasa dan pemeriksaan mengejut.

Hanya dua Pejabat Perwakilan Malaysia di luar negara iaitu di Abu Dhabi, Emiriah Arab Bersatu (UAE) dan Los Angeles, Amerika Syarikat, mematuhi sepenuhnya tujuh elemen kawalan pengurusan.

Tiga pejabat perwakilan di Kuwait; Jeddah, Arab Saudi dan Rabat, Maghribi masing-masing mempunyai satu kelemahan kawalan elemen pengurusan manakala 15 lagi pejabat perwakilan berkenaan mempunyai dua hingga lima elemen kelemahan kawalan pengurusan .

Ketua Audit Negara, Tan Sri Ambrin Buang, berkata audit itu dijalankan dengan tumpuan kepada tujuh aspek pengurusan kewangan antaranya Kawalan Pengurusan, Kawalan Terimaan, Kawalan Perbelanjaan dan Pengurusan Aset dan Inventori.

"Semakan audit terhadap pejabat perwakilan berkenaan mendapati pematuhan penyediaan Manual Prosedur Kerja dan Fail Meja, pelaksanaan fungsi Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun, penurunan kuasa dan pemeriksaan mengejut, adalah kurang memuaskan.

"Oleh itu, kementerian berkenaan patut memastikan wujud mekanisme pemantauan teratur peringkat pengurusan supaya pengurusan kewangan pejabat perwakilan adalah berkesan," katanya dalam buku laporan Ketua Audit Negara Tahun 2007 - Penyata Akaun Awam Dan Pengurusan Kewangan Kementerian/Jabatan Kerajaan Persekutuan.

Ambrin menerusi laporannya itu juga mempersoal urusan berkaitan penerimaan wang di pejabat perwakilan Kaherah, Mesir yang tidak dibuat di kaunter khas.

"Urusan itu (penerimaan wang) hanya diuruskan di bilik seorang kakitangan ambilan tempatan. Cermin kaunter juga digunakan untuk menampal notis pelbagai maklumat," katanya.

Turut dipersoalkan empat daripada 20 pejabat perwakilan berkenaan berbelanja melebihi daripada peruntukan di samping sebahagian besarnya tidak mematuhi peraturan penyelenggaraan Buku Vot dan Daftar Bil.

"Berikutnya perbelanjaan yang melebihi peruntukan adalah di luar peraturan, kementerian (Luar) diminta memberi perhatian serius bagi memastikan tidak berulang," katanya.

Tahun lalu peruntukan yang disediakan untuk mengurus 20 pejabat perwakilan di luar negara berjumlah RM73.01 juta dan jumlah yang dibelanja bagim tujuan itu RM72.15 juta iaitu pada tahap yang memuaskan.

2/9/2008 (Selasa)

Kontrak beli mesin X-ray dipertikai

JABATAN Audit Negara mendapati kaedah pemberian kontrak pembelian mesin pengimejan (X-ray) berharga RM33 juta oleh kementerian Kesihatan kepada Glotel Sdn Bhd (Glotel) menimbulkan persoalan yang gagal dijawab kementerian itu.

Pemberian kontrak secara rundingan terus itu bagi pembekalan dua unit Positron Emission Tomography Computed Tomography Scan (PET CT Scan) dan sebuah mesin Cyclotron, termasuk membina bangunan menempatkan peralatan itu di Hospital Pulau Pinang dan Hospital Putrajaya.

Bagaimanapun, Ketua Audit Negara, Tan Sri Ambrin Buang mendedahkan Glotel tidak berdaftar dengan Pusat Khidmat Kontraktor seperti disyaratkan bagi setiap kontraktor yang mahu melaksanakan projek kerajaan dan sepatutnya tidak layak ditawarkan kontrak berkenaan.

"Syarikat Allied Physics Sdn Bhd, subkontraktor dilantik Glotel bagi mengiktiraf kualiti dan keselamatan PET CT Scan itu tidak berkelayakan atau memiliki lesen mengendalikan bahan radioaktif dan alat pengimejan seperti disyaratkan di bawah Seksyen 13 (2) Akta Pelesenan Tenaga Atom.

"Sebagai syarat kontrak, Glotel perlu melatih kakitangan Kementerian Kesihatan menggunakan mesin PET CT Scan dan Cyclotron dan membantu memperoleh status Amalan Pengilangan Baik (GMP) bagi penggunaan radas penyinar untuk mengeluarkan FluoroDeoxiglucose (FDG).

"Bagaimanapun, proses yang memerlukan kelulusan Biro Kawalan Farmaseutikal kebangsaan tidak dilakukan, manakala program latihan yang disediakan Glotel tidak dirujuk kepada kementerian berkenaan dan tidak bersesuaian untuk pengiktirafan GMP," katanya.

Kegagalan mendapat status GMP bermakna bahan FDG yang disuntik kepada pesakit sebelum menjalani pengimejan itu tidak berdaftar.

Jabatan Audit Negara juga musykil bagaimana Glotel mendapat kontrak menguruskan penghantaran bahan radioaktif sedangkan ia tidak memiliki lesen berkenaan.

Mengikut Peraturan Perlindungan Radiasi (Pelesenan) 1986, hanya syarikat kelas A dan D boleh mengendalikan pengangkutan bahan radioaktif FDG dan daripada tiga syarikat yang cuba mendapatkan tender, hanya Intan Sejati Sdn Bhd (Intan Sejati) memiliki kedua-dua lesen itu.

Pada April 2005, tender Intan Sejati dan Glotel dirujuk Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan kepada Setiausaha Bahagian Penswastaan dan Perolehan Kementerian Kesihatan dan mengesyorkan kontrak membekal FDG diberi kepada Glotel walaupun syarikat itu hanya memiliki lesen kelas D.

Alasan yang diberi bagi memilih Glotel kerana syarikat itu menawarkan jaminan pembekalan FDG jika PET CT Scan rosak kerana bahan FDG mempunyai jangka hayat penggunaan terhad dan tidak dapat disimpan lama.

Bagaimanapun, Jabatan Audit Negara mendapati tindakan itu melanggar Peraturan Perlindungan Radiasi (Pelesenan) dan bayaran yang dikenakan Glotel bagi setiap penghantaran lebih tinggi iaitu perbezaan sebanyak RM1,008 bagi setiap penghantaran berbanding sebut harga Intan Sejati.

2/9/2008 (Selasa)

Kementerian janji siasat dakwaan



KONTROVERSI: Mesin X-ray PET CT Scan berharga RM33 juta dibeli Kementerian Kesihatan daripada Glotel yang tidak berdaftar dengan Pusat Khidmat Kontraktor.

KEMENTERIAN Kesihatan akan menyiasat laporan audit berhubung isu pemberian kontrak pembelian mesin pengimejan (x-ray), RM33 juta kepada Glotel Sdn Bhd (Glotel).

BERITA HARIAN

ILMU DAN MAKLUMAT

Timbalan Menterinya, Datuk Dr Abdul Latiff Ahmad, berkata pihaknya memandang serius laporan itu dan langkah perlu akan diambil.

"Kita sedar isu kontrak itu yang sememangnya dalam perhatian dan tindakan kementerian. Isu ini bukan perkara baru dan kita memang mengetahui mengenainya," katanya yang enggan mengulas lanjut.

Beliau mengulas laporan Jabatan Audit Negara yang mendapati kaedah pemberian kontrak pembelian X-ray berharga RM33 juta oleh Kementerian Kesihatan kepada Glotel Sdn Bhd (Glotel) menimbulkan banyak persoalan.

Ketua Audit Negara, Tan Sri Ambrin Buang mendedahkan Glotel tidak berdaftar dengan Pusat Khidmat Kontraktor seperti disyaratkan bagi setiap kontraktor yang mahu melaksanakan projek kerajaan dan sepatutnya tidak layak ditawarkan kontrak berkenaan. Malah, Syarikat Allied Physics Sdn Bhd, sub kontraktor dilantik Glotel bagi mengiktiraf kualiti dan keselamatan PET CT Scan didapati tidak berkelayakan atau memiliki lesen mengendalikan bahan radioaktif dan alat pengimejan seperti disyaratkan di bawah Seksyen 13 (2) Akta Pelesenan Tenaga Atom.

2/9/2008

Tak patuh tempoh serahan rampasan

Laporan Norfatimah Ahmad, R Magendran dan Azman Mahmood -
bhnews@bharian.com.my

KDRM perlu hantar barang rampasan ikut prosedur

KUALA LUMPUR: Penyerahan barang rampasan kepada stor pencegahan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (KDRM) yang sepatutnya selesai dalam tempoh dua hari, gagal dipatuhi sepenuhnya apabila 37 barang rampasan hanya diserahkan selepas empat hingga 205 hari.

Ketua Audit Negara, Tan Sri Ambrin Buang, berkata daripada kes itu, lapan barang di KDRM Pulau Pinang lewat diserahkan antara empat hingga 108 hari, tujuh di Selangor (selepas tujuh hingga 205 hari), manakala 22 di Johor (antara lima hingga 53 hari).

"KDRM perlu memastikan prosedur dan peraturan mengenai penyerahan barang rampasan dipatuhi dan rekod berkaitan perlu diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini.

"Audit juga mahu jabatan berkenaan menangani masalah penyimpanan dan penyenggaraan barang rampasan dengan meningkatkan prestasi penyiasatan," katanya dalam Laporan Ketua Audit Negara 2007.

Ambrin berkata, di stor Kompleks Pencegah Prai, Sijil Musnah yang dikeluarkan pada Februari 2007 bagi memusnahkan 90 jenis mercun dan bunga api bernilai RM13,345 tidak dilaksanakan sepenuhnya apabila baki 15 kotak masih disimpan.

"Tindakan tatatertib hendaklah diambil terhadap pegawai KDRM yang menandatangani Sijil Musnah berkenaan kerana barang rampasan masih wujud walaupun disahkan sebagai dimusnahkan bagi mengelak disalahgunakan atau dijual di pasaran," katanya.

Ambrin berkata, sehingga 31 Disember 2007, masih ada 338 kertas siasatan belum selesai selepas tiga tahun, termasuk 78 kes yang masih dalam siasatan selepas lebih 10 tahun.

Katanya, selain barang rampasan seperti kenderaan dan minuman keras tidak dilabelkan, pemeriksaan juga mendapati 23 jenis barang rampasan tidak dapat dikesan di stor pencegahan Johor Bahru.

"KDRM hendaklah mengambil tindakan segera menjalankan pemeriksaan fizikal di semua stor pencegahan bagi memastikan semua barang rampasan masih wujud," katanya.

Selain itu, katanya, borang yang ditetapkan tidak digunakan untuk melabel barang rampasan. Misalnya, stor pencegahan KDRM Pulau Pinang tidak menggunakan Daftar Barang Rampasan (DBR), tetapi merekodkan dalam buku harian A4 berkulit keras dan hanya menggunakan DBR pada Julai 2007.

Beliau berkata, pemeriksaan mendapati 12 jenis barang yang diterima di stor pencegahan Kompleks Pencegah Negeri di Prai, pada 1999, 2001, 2003 dan 2004 yang sepatutnya direkodkan dalam DBR sebaik diterima hanya didaftarkan pada 2005.

2/9/2008

Pembelian kenderaan Rela melebihi keperluan

KETUA Audit Negara mendapati pembelian kenderaan oleh Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri bagi kegunaan Ikatan Relawan Rakyat Malaysia (Rela) tidak selaras dengan keperluannya atau dimanfaatkan sebaik mungkin akibat kelemahan pengurusan dan penyenggaraan.

Tan Sri Ambrin Buang, berkata antara 2004 hingga 2007, kementerian itu memperoleh 697 unit pelbagai jenis kenderaan bernilai RM60.87 juta untuk kegunaan Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), Jabatan Pendaftaran Negara (JPN), Jabatan Pendaftar Pertubuhan Malaysia (JPPM) dan Rela.

"Daripada jumlah ini, 313 kenderaan untuk kegunaan Rela, iaitu 16 lori, 125 van dan bakinya kenderaan pacuan empat roda yang diagihkan ke pejabat Rela di seluruh negara.

"Semakan audit mendapati ibu pejabat Rela tidak mengemukakan alasan munasabah bagi perolehan kenderaan tetapi masih diluluskan berikut permohonan kepada Kementerian Kewangan untuk membenarkan Rela membeli kenderaan secara rundingan terus.

"Kegagalan Rela memastikan kemampuan pembekal kenderaan menyebabkan sembilan daripada 313 kenderaan terbabit tidak diserahkan pada masa ditetapkan atas alasan kehabisan stok manakala 64 unit lagi berlebihan daripada apa yang diperlukan," katanya.

Pemantauan di empat pejabat Rela negeri iaitu Selangor, Kedah, Sabah dan Sarawak selain 43 pejabat Rela daerah mendapati enam unit kenderaan pacuan empat roda dibekalkan walaupun tiada permintaan dan 125 unit van diperoleh berbanding 18 unit diminta.

Ketika audit, sembilan kenderaan tiada di pejabat ketika pemeriksaan, manakala 93 kenderaan tidak tertera logo atau lambang Rela atas alasan digunakan untuk tujuan pengintipan tetapi rekod sehingga April tahun ini menunjukkan tiada permohonan untuk pengecualian itu dibuat.

Jabatan audit juga tidak dapat menentukan asas pengagihan 286 kenderaan pacuan empat roda dan van ke pejabat Rela negeri dan daerah selain kegunaan ibu pejabat kerana tiada rekod bertulis mengenai tujuan kegunaan kenderaan berkenaan.

Analisis mendapati hanya 52 daripada 312 hari penggunaan kenderaan antara 2004 hingga 2007 didaftarkan untuk operasi menahan pendatang tanpa izin dan bakinya didaftarkan sebagai kegunaan kerja kemasyarakatan serta pentadbiran.

2/9/2008 (Selasa)

Peralatan mengajar RM9.56j hilang disiasat

KUALA LUMPUR: Kementerian Pelajaran akan menyiasat segera kehilangan peralatan Program Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris (PPSMI) bernilai RM9.56 juta sejak 2005 hingga 2007 di 812 sekolah seperti yang didedahkan dalam Laporan Ketua Audit Negara 2007.

Timbalan Menterinya, Datuk Dr Wee Ka Siong yang memandang serius perkara itu berkata, kementerian perlu meneliti beberapa perkara sebelum memulakan siasatan bagi memudahkan tindakan diambil.

Ka Siong berkata, secara kebiasaannya peralatan yang digunakan untuk tujuan PPSMI ialah komputer riba, projektor dan OHP.

"Kita perlu mengetahui peralatan ini digunakan untuk tujuan PPSMI atau sebaliknya. Saya difahamkan sebagai contoh, komputer riba yang dibekalkan kepada guru selain untuk program berkenaan juga digunakan untuk tujuan pembelajaran lain.

"Bagaimanapun, kita mengalukan-alukan apa yang didedahkan dalam Laporan Ketua Audit Negara 2007. Saya percaya ia bertujuan memantapkan lagi sistem pendidikan di negara ini," katanya kepada Berita Harian semalam.

Semalam, akhbar ini yang memetik laporan Ketua Audit Negara 2007 menyebut Ketua Audit Negara, Tan Sri Ambrin Buang sebagai berkata ada beberapa kelemahan perlu dibaiki dalam pengurusan peralatan PPSMI, antaranya kehilangan peralatan bernilai RM9.56 juta di 812 sekolah sejak 2005 hingga tahun lalu.

Selain itu, semakan terhadap laporan PPSMI mendapati penguasaan bahasa Inggeris majoriti guru Sains dan Matematik di sekolah rendah dan menengah masih rendah.

BERITA HARIAN
ILMU DAN MAKLUMAT

Sementara itu, Wee berkata, pihaknya sedar penguasaan bahasa Inggeris majoriti guru Sains dan Matematik masih rendah, tetapi kementerian akan berusaha memperbaiki kelemahan itu.

"Sebelum ini juga, Menteri Pelajaran Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein turut menjelaskan bahawa kementerian mengambil pelbagai langkah untuk mengukuhkan PPSMI," katanya.

1/9/2008 (Isnin)

Projek pelancongan tidak berpotensi

Oleh Azman Mahmood dan Norliza Wasilan -bhnews@bharian.com.my

Agenси kerajaan tak faham konsep eko-pelancongan

KUALA LUMPUR: Ketua Audit Negara mendedahkan 45 daripada 60 kawasan yang diluluskan untuk projek eko-pelancongan dalam Rancangan Malaysia Kelapan (RMK-8) dan RMK-9, bukan kawasan berpotensi mengikut Pelan Ekopelancongan Kebangsaan.

Malah, Kementerian Pelancongan juga tidak menetapkan kriteria khusus untuk dijadikan rujukan bagi menilai sesuatu projek pembangunan eko-pelancongan.

Antara projek terbabit ialah Projek Agro Pelancongan Kompleks Pertanian Bukit Temiang dan Projek pelancongan di Rezab Perhilitan Wang Pinang Mukim Kuala Perlis di Perlis; peningkatan kemudahan Taman Botanikal Melaka dan peningkatan kemudahan pelancongan di Pulau Tulai, Pahang.

Ketua Audit Negara, Tan Sri Ambrin Buang dalam laporannya berkata, setakat ini tiada bukti menunjukkan 45 projek eko-pelancongan itu menjalani kajian kemungkinan atau potensinya oleh pihak bertanggungjawab.

Katanya, Pelan Ekopelancongan Kebangsaan menyediakan 25 garis panduan untuk semua pihak yang terbabit dengan perancangan dan pengurusan setiap jenis kawasan eko-pelancongan.

"Semakan audit mendapati daripada 91 projek eko-pelancongan membabitkan 60 kawasan diluluskan, 45 kawasan bukan kawasan berpotensi.

"Berdasarkan soal selidik membabitkan Unit Perancangan Ekonomi Negeri, Majlis Daerah dan badan promosi, Jabatan Audit mendapati secara umum pihak berkenaan kurang memahami konsep eko-pelancongan," katanya dalam Laporan Ketua Audit Negara 2007 Aktiviti Kementerian/Jabatan dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan.

Ambrin berkata, prestasi pelaksanaan projek eko-pelancongan yang diluluskan menerusi RMK-8 juga tidak memuaskan apabila hanya 10 daripada 20 projek yang dirancang, disiapkan dan bakinya terpaksa disambung menerusi RMK-9.

Katanya, antara puncanya ialah disebabkan masalah kelewatan pelantikan perunding projek dan kontraktor tidak berpengalaman.

"Semakan audit membabitkan minit mesyuarat dan dokumen berkaitan 55 pinjaman projek pelancongan mendapati penilaian hanya dibuat berdasarkan kertas taklimat projek, kertas kerja projek dan pembentangan projek oleh pemohon," katanya.

Malah, Kementerian Pelancongan juga tidak mempunyai bahagian khusus yang bertanggungjawab mengurus, memantau, melaksana dan menilai projek eko-pelancongan yang dijalankan.

1/9/2008

Asing tugas di pusat jualan diesel subsidi

KETUA Audit Negara mencadangkan supaya pengasingan tugas dilaksanakan di semua pusat jualan diesel subsidi bagi memastikan wujudnya kawalan dalam dan ketelusan dalam Skim Subsidi Diesel Untuk Nelayan.

Tan Sri Ambrin Buang membuat cadangan itu selepas pihaknya mendapati ada pusat jualan dikendalikan hanya seorang juru pam, yang turut menjalankan pemeriksaan baki kuota, merekod jualan dan mengeluarkan resit kepada nelayan.

BERITA HARIAN
ILMU DAN MAKLUMAT

"Setiap Persatuan Nelayan Kawasan (PNK) ada satu unit khas bertujuan mengurus dan memantau pelaksanaan Skim Subsidi Diesel Untuk Nelayan, diketuai pembantu hal ehwal ekonomi yang dibantu penyelia dan juru pam.

"Bagaimanapun audit mendapati semua tugas dibuat seorang juru pam saja. Oleh itu, pengasingan tugas di pusat jualan perlu dilakukan untuk memastikan wujudnya kawalan dalam dan ketelusan," katanya dalam Laporan Ketua Audit Negara bagi Badan Berkanun Persekutuan Tahun 2007 mengenai Pengurusan Kewangan dan Aktiviti Badan Berkanun Persekutuan.

Selain itu, Ambrin berkata, daripada kuota 2.12 bilion liter yang diperuntukkan kerajaan untuk skim berkenaan, hanya 1.02 bilion liter atau 48.1 peratus diesel digunakan.

Sehubungan itu, katanya, kelemahan dalam aspek pelaksanaan dan penguatkuasaan skim perlu diperbaiki dan ditingkatkan terutama berkaitan pelantikan pengedar berlesen, pelantikan jeti swasta sebagai peruncit, kawalan penghantaran diesel dan pengurusan serta kawalan di peringkat jualan.

Perisytiharan kapasiti tangki bot, penetapan dan pengurangan kuota mengikut zon, sistem e-pendaratan dan garis panduan yang lengkap juga perlu diberi keutamaan.

1/9/2008

Tiga kontraktor politeknik didenda RM556,035

KEMENTERIAN Pengajian Tinggi sehingga Februari lalu mengenakan denda RM556,035 terhadap tiga kontraktor yang lewat membekalkan peralatan kursus kepada tiga politeknik, termasuk kes kelewatan melebihi lima bulan.

Semakan audit berdasarkan rekod kementerian bagi tempoh 2005 hingga 2007 mendapati politeknik terbabit ialah Politeknik Mukah, Sarawak; Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin, Perlis dan Politeknik Sultan Idris Shah, Selangor.

Ketua Audit Negara, Tan Sri Ambrin Buang, berkata semakan terperinci terhadap penerimaan peralatan kursus di Politeknik Mukah mendapati kelewatan menjangkau 157 hari menyebabkan politeknik itu membelanjakan RM225,573 bagi tempoh 2005 hingga Mac 2007 untuk menyewa peralatan, khususnya komputer untuk kegunaan pensyarah dan pelajar.

Selain itu, beliau berkata, beberapa peralatan dibekalkan di Jabatan Kejuruteraan Mekanikal politeknik turut didapati tidak mengikut spesifikasi ditetapkan.

“Beberapa set peralatan dibekalkan kepada Politeknik Mukah juga tidak dibuat dengan lengkap. Bagaimanapun, tiada tindakan seperti mengenakan denda atau merampas Bon Pelaksanaan diambil terhadap kontraktor terbabit,” katanya.

1/9/2008

Nik Aziz akui kewangan negeri tak kukuh

KOTA BHARU: Menteri Besar Kelantan, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat mengakui kedudukan kewangan Kerajaan Pas Kelantan berada pada tahap lemah seperti disebut dalam Laporan Ketua Audit Negara 2007.

Bagaimanapun, beliau berkata kerajaan negeri sentiasa mengawal perbelanjaannya walaupun berdepan pelbagai kesukaran dan tidak pernah

BERITA HARIAN
ILMU DAN MAKLUMAT

mengamalkan gaya berbelanja secara tidak berhemat sehingga menjelaskan pentadbiran negeri.

"Kita akui sumber kewangan lemah di Kelantan, tetapi dalam keadaan lemah pun kita tidak membazir kerana kita anggap membazir itu berdosa. Walau bagaimana sulit sekali pun kita mengurus kerajaan, malaikat tetap merekod segala kerja kita.

"Jadi, saya minta masyarakat Kelantan khususnya orang politik dan pemimpin berhati-hati dalam menjaga dan mengurus kewangan," katanya kepada pemberita selepas Perarakan Hari Kebangsaan Peringkat Kelantan di Stadium Sultan Muhammed IV, di sini, semalam.